

K. P.U. 19.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR MALAM/SEHARI  
(MAJLIS DAERAH KULIM) 1993

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang Kecil

1. Nama dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Lesen.
4. Lesen dikeluarkan tiap-tiap hari.
5. Tiada pembayaran balik bayaran lesen.
6. Keluasan gerai.
7. Halangan.
8. Pembuangan sampah.
9. Gerai pasar malam/sehari hendaklah dipindahkan selepas waktu perniagaan.

JADUAL.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR MALAM/SEHARI  
(MAJLIS DAERAH KULIM) 1993

Akta 171.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102(h) Akta Kerajaan Tempatan 1976 Majlis Daerah Kulim membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-undang Kecil yang berikut:

Nama dan pemakam.

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Pasar Malam/Sehari (Majlis Daerah Kulim) 1993.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh ia disiarkan dalam  *Warta*  dan terpakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kulim.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“pasar malam/sehari” bererti dan termasuklah penjualan makanan, minuman atau barang-barang sepanjang jalan-jalan awam atau lorong atau tempat awam;

“gerai pasar malam/sehari” bererti dan termasuklah sebuah gerai, meja, bangku atau gerobok atau apa-apa hujung yang diguna atau dimaksud untuk digunakan bagi penjualan apa-apa makanan bermasak atau sebaliknya atau sebarang jenis barang-barang.

Lesen.

3. Tiada sesiapa pun boleh mendirikan apa-apa gerai pasar malam/sehari di mana-mana jalan awam, lorong atau di atas mana-mana tanah yang berdepankan mana-mana jalan kecuali ia telah mendapat lesen untuk itu daripada Yang Dipertua Majlis Daerah Kulim dan tertakluk kepada bayaran yang ditetapkan dalam Jadual.

Lesen dikeluarkan  
satu-satu hari.

4. Setiap lesen akan dikeluarkan tiap-tiap hari dan tidak boleh dipindahmilik. Setiap lesen hendaklah bernombor dan menetapkan tempat di mana gerai pasar malam/sehari boleh didirikan, saiz yang dibenarkan, waktu perniagaan dan hendaklah disimpan oleh pemegang lesen di gerainya dan dikemukakan apabila dituntut untuk pemeriksaan oleh pegawai Majlis Daerah Kulim atau mana-mana pegawai polis.

Tiada pem-  
bayaran balik  
bayaran lesen.

5. Jika sebarang lesen dibatalkan atau ditarik balik kerana apa-apa sebab sekalipun pemegang lesen tidak berhak mendapat apa-apa pembayaran balik bayaran-bayaran yang telah dibayar bagi jangka waktu lesennya yang belum luput.

Keluasan gerai.

6. Tiada gerai pasar malam/sehari boleh menduduki suatu kawasan melebihi keluasan yang ditetapkan di dalam lesen.

7. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah memastikan semua tempat Halangan.  
lalu-lalang di sebelah gerai pasar malam/sehari bebas dari apa jenis  
halangan yang timbul dari/atau berkaitan dengan perniagaannya dan  
tiada pemegang lesen boleh menempatkan apa-apa barang melewati  
garisan-garisan perenggan yang menunjukkan kawasan gerainya.

8. Tiada pemegang lesen sesebuah gerai pasar malam/sehari dan Pembuangan  
tiada sesiapa pun yang digajikan di gerai itu dibenarkan membuang  
sampah sarap pepejal dari apa jenis hasil dari/atau berkaitan dengan  
perniagaannya sebagai pemegang lesen ke atas mana-mana jalan,  
tempat awam atau tempat lalu-lalang ataupun ke dalam mana-mana  
longkang.

9. Tiap-tiap gerai pasar malam/sehari hendaklah dipindahkan selepas  
waktu berniaga yang ditetapkan. Geri 1994  
malam/sehari  
hendaklah  
dipindahkan  
selepas waktu  
perniagaan.

## TABEL

(Undang-Undang Kecil 3)

| Saiz gerai/petak                 | Bayaran   |
|----------------------------------|---|
| (i) tidak melebihi 2.43m x 3.04m | tidak melebihi RM1.00<br>semalam/sehari bagi satu<br>petak. |
| (ii) melebihi 2.43m x 3.04m      | RM1.00-RM3.00 mengikut<br>budi bicara Yang Dipertua.        |

Diperbuat pada 30 Januari 1994.

HAI HASHIM BIN HAI ISMAIL.  
Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kuala

Disahkan pada 18 Mac 1996.  
[PSU(K) 98/1396 SK. 30/A.]

HAI SULAIMAN BIN HAI DAUD.  
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,  
Kedah Darul Aman

---

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PASAR MALAM/SEHARI (KULIM DISTRICT COUNCIL)  
BY-LAWS 1993

---

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

---

By-Laws

1. Citation and application.
2. Interpretation.
3. Licence.
4. Licence issued daily.
5. No refund of licence fees.
6. Area of stall.
7. Obstruction.
8. Disposal of refuse.
9. Pasar malam/sehari stall shall be removed after trading hour.

SCHEDULE.